

Buletin

TRANSFORMASI IPG

PERUTUSAN Timbalan

Rektor IPGM

UTAMA

- 01 PERUTUSAN
Timbalan Rektor
- 02 LATAR BELAKANG
Transformasi IPG
- 03 5 TERAS UTAMA
Transformasi IPG
- 04 PELAPORAN
Transformasi IPG
- 05 36 INISIATIF
Transformasi IPG
- 06 PENCAPAIAN
Inisiatif Tahun 2016
- 07 CHANGE
MANAGEMENT

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.*

ALHAMDULILLAH bersyukur
ke hadrat Allah SWT dengan
berkat dan izin-Nya,

Buletin 'Transformasi IPG edisi sulung dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak terutamanya Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO) IPG dalam menjayakan penerbitan ini.

Perkataan "transformasi" kini bukan lagi menjadi sesuatu yang asing malah menjadi tuntutan di mana-mana medan kerja. Ini amat berhubung kait dengan dunia kerja kini yang lebih kompetitif dan mencabar. Persaingan industri semakin sengit dan setiap institusi harus bersedia bergerak pantas mengikut arus perubahan semasa, atau berdepan dengan risiko ketinggalan dan tidak mampu bertahan dalam industri masing-masing.

Seiring dengan ini dan Visi IPG iaitu menjadi "Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru", IPG perlu membawa satu pendekatan baharu kepada struktur organisasi, pengurusan sumber dan daya saing. Haasrat IPG ini disokong oleh Kementerian Pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 iaitu menerusi cadangan merombak IPG secara menyeluruh ke arah menjadi institusi latihan guru bertaraf dunia.

IPG perlu mengorak langkah untuk berdepan dengan suasana yang mencabar dan memerlukan tindakan yang luar daripada kebiasaan. Program Transformasi IPG ini merupakan kajian semula keseluruhan program pendidikan guru IPG bagi mengenal pasti hala tuju yang jelas merangkumi program pra dan dalam perkhidmatan.

Program Transformasi IPG telah melonjakkan status IPG di dalam Kementerian Pendidikan Malaysia, di mana prestasi pencapaian IPG menjadi perhatian semua pihak. Pada masa yang sama, Transformasi ini juga menjadi batu loncatan kepada IPG sendiri untuk meningkatkan pencapaian ke tahap yang lebih cemerlang.

Warga IPG perlu bersemangat kental dalam memastikan hala tuju IPG dapat dicapai. Akhir sekali, harapan saya agar warga IPGM dan IPG dapat memahami proses dan hala tuju Transformasi IPG dan memberi sokongan padu dalam menjayakannya.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Dr. Noriati bt. A.Rashid

Januari 2017

LATAR BELAKANG TRANSFORMASI

IPG

OGOS 2008

Parlimen meluluskan **Pindaan Akta Pendidikan 1996** untuk menaik taraf semua 27 Maktab Perguruan untuk menjadi Institut Pendidikan Guru (IPG). Kohort 1 PISMP akan menamatkan pengajian pada tahun 2011

2010

Pentadbiran dan pengurusan IPG dipindahkan dari Bahagian Pendidikan Guru (BPG) ke **Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)**

SEPTEMBER 2012

TPM sebagai Menteri Pelajaran membentangkan di Dewan Rakyat bahawa IPG perlu dirombak untuk menjadi institusi latihan guru utama dalam meningkatkan standard pendidikan di Malaysia melalui pembangunan pendidikan guru

DISEMBER 2015

Pelan Transformasi IPG 2016-2025 siap dan diluluskan oleh YB Menteri dalam Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri KPM Bil. 14/2015 pada 22 September 2015

2015

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melantik perunding antarabangsa, Parthenon-EY untuk menyediakan Pelan Hala Tuju Transformasi

2014

Nov 2014, Mesyuarat *Delivery Task Force (DTF)* yang dipengerusikan oleh YAB TPM bersetuju agar PADU melantik perunding luar bagi menyediakan Pelan Hala Tuju Transformasi IPG

MATLAMAT TRANSFORMASI IPG

Ke arah menjadi institusi latihan guru yang utama dalam meningkatkan standard pendidikan di Malaysia melalui pembangunan pendidikan guru

**Peringkat 1
(2016-2017)**

"Meningkatkan taraf dan sistem sokongan"



**Peringkat 2
(2018 - 2020)**

"Meningkatkan laluan dan perkembangan kerjaya"



**Peringkat 3
(2021- 2025)**

"Mewujudkan budaya kecemerlangan profesional"



5 TERAS UTAMA TRANSFORMASI

Bertepatan dengan visi IPG sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru, Transformasi IPG dirangka bertujuan mengenal pasti hala tuju yang jelas bagi program latihan perguruan pra dan dalam perkhidmatan. Transformasi ini merupakan satu perancangan jangka panjang bagi tempoh sepuluh tahun (2016-2025) menerusi 5 teras utama iaitu:



1
TRANSFORMASI KEPIMPINAN & ORGANISASI



2
PENYUSUNAN SEMULA KAMPUS



3
KUALITI PENSYARAH



4
PENYELIDIKAN



5
PERSEKITARAN PEMBELAJARAN

Transformasi organisasi untuk kualiti yang konsisten

Persekitaran bertaraf universiti yang berorientasikan akademik

MELALUI 5 Teras Utama ini:

47

Inisiatif dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam 3 peringkat.

22

Inisiatif Peringkat 1 (2016-2017)

19

Inisiatif Peringkat 2 (2018-2020)

6

Inisiatif Peringkat 3 (2021-2025)

Penjajaran Inisiatif Transformasi IPG

Penjajaran semula inisiatif dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira perkembangan dan situasi semasa. **Setiap inisiatif dinilai semula berdasarkan temubual bersama peneraju dan pemegang inisiatif sebelum diujarkan melalui mekanisme *Ease of Implementation (EoI)*. Setakat Disember 2016:**

4

Inisiatif telah selesai sepenuhnya

7

Inisiatif digabungkan dan diujarkan semula

36

Inisiatif dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam 3 peringkat.

18

Inisiatif Peringkat 1 (2016-2017)

11

Inisiatif Peringkat 2 (2018-2020)

7

Inisiatif Peringkat 3 (2021-2025)



Apakah itu Mekanisme *Ease of Implementation*?

Mekanisme *Ease of Implementation* (EoI) adalah pertimbangan utama terhadap kemudahan pelaksanaan suatu inisiatif. Pertimbangan ini dilakukan berdasarkan beberapa kriteria utama yang dilihat memberi impak tinggi terhadap kejayaan suatu inisiatif. Antara kriteria tersebut ialah **keuangan, tenaga kerja, kebergantungan antara inisiatif dan kelulusan luar** serta masa.

PELAPORAN TRANSFORMASI IPG

RITMA PELAPORAN TRANSFORMASI IPG

Proses pelaporan Program Transformasi IPG melibatkan kesemua pemegang taruh berkaitan adalah bertujuan untuk memastikan pemantauan dan tadbir urus mencukupi.

Setakat ini, status kemajuan Program Transformasi IPG dilaporkan kepada 5 pihak iaitu sebagai Inisiatif Utama PPPM 2017, Skor Kad Menteri Pendidikan, KPI Ketua Setiausaha KPM 2017, KPI KPPM 2017 & sebagai Inisiatif Berimpak Tinggi PTPA (Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam)

- ✓ Inisiatif Utama PPPM 2017
- ✓ Skor Kad Menteri Pendidikan
- ✓ KPI Ketua Setiausaha KPM 2017
- ✓ KPI KPPM 2017
- ✓ Inisiatif Berimpak Tinggi PTPA



- 💡 Program Transformasi IPG dilaporkan menerusi **5 KPI utama** sepanjang tahun 2016.
- 💡 Di bawah Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam (PTPA), 8 inisiatif telah disenaraikan dan 3 daripadanya adalah inisiatif berimpak tinggi. **Program Transformasi IPG merupakan salah satu daripada 3 inisiatif berimpak tinggi tersebut.**
- 💡 Bermula tahun 2017, Program Transformasi IPG akan dilaporkan menerusi **1 KPI utama** yang diukur menerusi pencapaian **18 inisiatif** yang akan digerakkan.



NO	INISIATIF	PENERAJU (LEADER)	PEMEGANG (CHAMPION)
1	Pengorganisasian semula IPGM & Konfigurasi IPGK	Dr. Rusmini bt. Ku Ahmad	En. Aliyas b. Said
2	Penubuhan Pusat Jaminan Kualiti dan Pematuhan Polisi (QAPCC)	Dr. Azma bt. Mahmood	Dr. Zuraida bt. Razali
3	Penyusunan Semula Pensyarah	Dr. Rusmini bt. Ku Ahmad	En. Aliyas b. Said
4	Pelantikan jawatan utama kepimpinan akademik	Dr. Rusmini bt. Ku Ahmad	En. Aliyas b. Said
5	Penilaian semula bakat pensyarah (Talent Review)	Dr. Masitah bt. Mohamad Yusof, AMN	En. Haza Hafeez b. Borhan
6	Mewujudkan program pembangunan bakat pensyarah IPG (IPG Talent Development Programme)	Dr. Masitah bt. Mohamad Yusof, AMN	En. Haza Hafeez b. Borhan
7	Mewujudkan laluan kerjaya pensyarah (Career Track)	En. Mohd Bustaman b. Abdul Aziz	Pn. Roslinayati/ En Azman b. Kosenan
8	Membangunkan matriks pengukuran prestasi kerja berdasarkan deskripsi tugas yang spesifik	En. Mohd Bustaman b. Abdul Aziz	Pn. Roslinayati/En Azman
9	Memperkasakan amalan profesional (praktikum)	Dr. Jamiah bt. Mohamad	Dr. Nordin b. Abu Bakar En. Mohd. Nahwiuddin b. Abdul Manaf
10	Membangunkan asas kukuh bagi kepimpinan penyelidikan dan sokongan	Pn. Rusminah bt. Musliman	Dr. Shamsul Nizam b. Kachi Mohideen
11	Meluaskan jawatan dan fungsi pusat penyelidikan dan inovasi IPGM yang sedia ada	Pn. Rusminah bt. Musliman	Dr. Shamsul Nizam b. Kachi Mohideen
12	Menerapkan elemen sokongan penyelidikan dalam jabatan akademik	Pn. Rusmimah bt. Musliman	Dr. Shamsul Nizam b. Kachi Mohideen
13	Mewujudkan proses tapisan kemasukan pelajar dengan teliti dan holistik	Tn. Hj Rahim b. Abdul Latiff	En. Khairul Rizal b. Othman Odanu
14	Mengenal pasti peluang kerjasama dengan institusi dalam dan luar negara bagi program pembangunan bakat IPG	Dr. Masitah bt Mohammad Yusof, AMN	En. Haza Hafeez b. Borhan
15	Menambah jumlah kediaman & membaikpulih infrastrukur akademik di kampus IPG	En. Mohd Bustaman b. Abdul Aziz	En. Noor Shafizan b. Md Nawawi
16	Menyelaraskan proses pengambilan pensyarah mengikut standard yang konsisten	En. Mohd Bustaman b. Abdul Aziz	Pn. Roslinayati/En Azman
17	Memastikan jaringan WiFi secara 100% di semua kampus IPG	Tn. Hj. Mohd. Huzaifah b. Abd. Rahman	En. Mohd Tazli b. Mahat
18	Menubuhkan Akademi Kecemerlangan Pengajaran (Academy of Teaching Excellence)	Dr. Masitah bt Mohammad Yusof, AMN	En. Baharuddin b. Ab. Latif



NO	INISIATIF	PENERAJU (LEADER)	PEMEGANG (CHAMPION)
19	Menubuhkan Lembaga Penasihat IPG (<i>IPG Advisory Board</i>)	Dr. Rusmini bt Ku Ahmad	En. Aliyas b. Said
20	Menyediakan peluang untuk pembelajaran sendiri – seminar dan konferens	Dr. Masitah bt. Mohammad Yusof, AMN	En. Baharuddin b. Abdul Latif
21	Penggunaan ICT secara meluas dan konsisten dalam penyampaian kandungan pelajaran	Tn. Hj. Mohd. Huzaifah b. Abd. Rahman	Dr. Nazifah bt. Shaik Ismail
22	Memasukkan kelayakan cuti sabatikal dalam polisi cuti	Dr. Rusmini bt Ku Ahmad	En. Aliyas b. Said
23	Meningkatkan geran penyelidikan setanding IPTA	Pn. Rusminah bt. Musliman	Dr. Shamsul Nizam b. Kachi Mohideen
24	Menerapkan induksi penyelidikan kepada semua staf	Pn. Rusminah bt. Musliman	Dr. Shamsul Nizam b. Kachi Mohideen
25	Mewujudkan perpustakaan maya untuk memudahkan PdP dan penyelidikan	Tn. Hj. Mohd. Huzaifah b. Abd. Rahman	En. Mohd Tazli b. Mahat
26	Menurunkan nisbah pelajar kepada komputer daripada 5:1 kepada 3:1	Tn. Hj. Mohd. Huzaifah b. Abd. Rahman	En. Mohd Tazli b. Mahat
27	Mengkaji semula pakej pampasan (compensation package) setara dengan IPTA	En. Mohd Bustaman b. Abdul Aziz	Pn. Roslinayati/En Azman
28	Mengendalikan TNA & sistem dalam talian untuk guru memilih dan mendaftar kursus mengikut keperluan	Dr. Masitah bt Mohammad Yusof, AMN	En. Haza Hafeez b. Borhan
29	Menawarkan kursus yang memudahkan pembangunan professional berasaskan sekolah dan menyokong <i>Professional Learning Community</i>	Dr. Masitah bt Mohammad Yusof, AMN	En. Haza Hafeez b. Borhan

* Peneraju dan Pemegang Inisiatif adalah tertakluk kepada perkembangan terkini dan berkemungkinan berubah sekiranya ada keperluan.

**Peringkat 3
(2021 - 2025)**

36 INISIATIF TRANSFORMASI IPG



“Mewujudkan budaya kecemerlangan profesional”

NO	INISIATIF	PENERAJU (LEADER)	PEMANGGANG (CHAMPION)
30	Mewujudkan <i>Teaching Internships</i> untuk menarik minat generasi muda	En. Rahim b. Abdul Latiff	En. Khairul Rizal b. Othman Odanu
31	Mewujudkan geran penyelidikan untuk penyelidik yang kurang berpengalaman	Pn. Rusminah bt. Musliman	Dr. Shamsul Nizam b. Kachi Mohideen
32	Mewujudkan aplikasi mobile kampus sejajar dengan perkembangan teknologi	Tn. Hj. Mohd. Huzaifah b. Abd. Rahman	En. Mohd Tazli b. Mahat
33	Memperkenalkan program program pasca ijazah	Dr. Masitah bt Mohammad Yusof, AMN	Pn. Nur Krismarina bt Abdul Karim
34	Membina portfolio latihan dalam perkhidmatan untuk guru sekolah menengah	Dr. Masitah bt Mohammad Yusof, AMN	En. Haza Hafeez b. Borhan
35	Pensijilan dan kursus pindah-kredit yang berkaitan dengan program pasca ijazah	Dr. Masitah bt Mohammad Yusof, AMN	Pn. Nur Krismarina bt Abdul Karim
36	Jurulatih SISC+ diletakkan di bawah IPGM	Dr. Masitah bt Mohammad Yusof, AMN	En. Baharuudin b. Ab. Latif

* Peneraju dan Pemegang Inisiatif adalah tertakluk kepada perkembangan terkini dan berkemungkinan berubah sekiranya ada keperluan.

Transformasi IPG

Sejumlah daripada 18 inisiatif Peringkat Pertama Program Transformasi IPG sudah capai sasaran ditetapkan bagi tahun semasa

18 inisiatif Peringkat Pertama Program Transformasi IPG sudah capai sasaran ditetapkan bagi tahun semasa

18 inisiatif Peringkat Pertama Program Transformasi IPG sudah capai sasaran ditetapkan bagi tahun semasa

Transformasi IPG 2016-2025

Ke arah menjadi institusi pendidikan tinggi guru unggul

TRANSFORMASI IPG 2016-2025

Ke arah menjadi institusi pendidikan tinggi guru unggul

Ke arah menjadi institusi pendidikan tinggi guru unggul

Beberapa advertorial Transformasi IPG di media akhbar

Tawar kursus pascasiswazah menjelang 2025

Ke arah menjadi institusi pendidikan tinggi guru unggul

Ke arah menjadi institusi pendidikan tinggi guru unggul

Ke arah menjadi institusi pendidikan tinggi guru unggul


TAHNAH & TERIMA KASIH KEPADA SEMUA INITIATIVE LEADERS & CHAMPIONS!



Pencapaian Inisiatif Tahun 2016

19 inisiatif* telah digerakkan
sepanjang tahun 2016.

* Bilangan inisiatif termasuk sebelum dan selepas
penjarangan semula



2 inisiatif telah selesai dilaksanakan



Transformation Management Office (TMO)
ditubuhkan di IPGM



Penambahan tempat bagi pensyarah
mengikuti program tajaan KPM diluluskan di
IPGM

15 inisiatif* mencapai *milestone* yang ditetapkan




2 inisiatif ditunda tempoh pencapaian *milestone*



5 KPI utama

pelaporan *Dashboard*
YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha



SELESAI

bagi tahun pelaksanaan 2016

Transformation Management Office (TMO) ditubuhkan di IPGM

Penstrukturan semula IPGM dan IPGK Fasa 1 (2016)

Pusat Jaminan Kualiti dan Pematuhan Polisi (QAPCC) ditubuhkan di IPGM Fasa 1

Pembangunan Kerangka Penilaian Semula Bakat Pensyarah (Talent Review) Fasa 1

Penambahan Tempat Bagi Pensyarah Mengikuti Program Tajaan KPM diluluskan di IPGM

APAKAH PERANAN ANDA DI DALAM TRANSFORMASI INI?

Program Transformasi IPG merupakan program yang dirancang selama 10 tahun bagi melonjakkan IPG sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru.

Bagi memastikan kejayaan Program Transformasi IPG ini, sokongan dan penglibatan daripada semua warga IPGM dan IPG amatlah diperlukan. Salah satu strategi pengurusan yang didedahkan oleh pihak perunding luar EY adalah *Change Management* (Pengurusan Perubahan). Strategi ini telah didedahkan kepada semua peneraju inisiatif (*Initiative Leaders*) dan pemegang inisiatif (*Initiative Champions*) dalam Bengkel *Project Management & Change Management* yang telah diadakan di PADU pada bulan Ogos 2016

Langkah ke hadapan kami adalah memastikan semua warga IPGM dan IPG sedar akan peranan masing-masing dalam memacu kejayaan Program Transformasi IPG. Salah satu caranya adalah melalui penyebaran maklumat tentang *Change Management*. Harapan kami ialah semua warga IPGM dan IPG boleh menjadi agen perubahan (*Change Agent*) dan menyebarkan impak positif Transformasi IPG ini kepada semua pihak.




Bengkel *Project Management & Change Management* di PADU | 23 Ogos 2016



CHANGE MANAGEMENT

PENGURUSAN PERUBAHAN



Sumber:
www.line-of-sight.com
www.prosci.com
www.mindtools.com
www.mckinsey.com
 Parthenon-EY

Kenapa kita perlukan TRANSFORMASI?

Setiap organisasi sentiasa berhadapan dengan **PERUBAHAN** dalam:

- Keadaan pasaran semasa
- Permintaan masyarakat
- Perkembangan teknologi
- Kos & bajet
- Persaingan dalam industri

Oleh itu, organisasi perlu sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan terkini ATAU akan ketinggalan.

Organisasi berisiko menjadi tidak relevan

- ⚠ Kepada pelanggan
- ⚠ Kepada penaja
- ⚠ Dalam pasaran

Menerusi TRANSFORMASI,

Organisasi BOLEH mempertingkatkan

- Produktiviti ✓
- Kualiti ✓
- Daya Saing ✓
- Kepuasan Pelanggan ✓

"TOOLS of CHANGE"

Menggunakan

Pengukuran Prestasi
Kejayaan dan pencapaian diukur secara objektif

Visi & Hala Tuju
Semua warga organisasi mendukung visi & hala tuju yang sama

Pelan Tindakan & Strategi
Tahu apa yang perlu dilakukan dan bila tindakan diperlukan

Garis Masa & Milestones
Penetapan garis masa pelaksanaan projek menerusi milestones dan membuat pelaporan berterusan

Motivasi
Memastikan warga organisasi bermotivasi untuk melakukan perubahan

Secara umum, penerimaan terhadap suatu transformasi terbahagi kepada 5 peringkat. Di manakah anda berada sekarang?



Saya percaya transformasi adalah perlu untuk organisasi kekal relevan dan menambah kualiti organisasi. Saya sedia memainkan peranan lebih aktif untuk menjayakannya.

Pengurusan Perubahan akan mengubah dialog daripada

Tidak perlu...
Tiada peruntukan
Terlalu rumit
PASTI gagal
Susah... Idea yang tidak berguna
Apa yang sedia ada sudah mencukupi
Tidak penting...

Amat perlu... RELEVAN
Boleh dilaksanakan
Ada jalannya
Bagus untuk organisasi
Akan berjaya
Boleh dicapai

Kepada...



Transformasi memberi hala tuju baharu

Individu

- Perkembangan peribadi
- Peluang memajukan diri
- Rasa sebahagian daripada organisasi dan mempunyai peranan penting
- Lebih efisien

Kumpulan

- Kakitangan lebih berpengetahuan
- Pengurangan pembaziran sumber
- Kepimpinan yang lebih baik
- Komunikasi lebih efektif

Organisasi

- Menepati kehendak pasaran terkini
- Prestasi kakitangan yang lebih baik
- Lebih banyak *Return of Investments*
- Proses kerja lebih efisien

LAFAZ JANJI

Kami, pegawai yang telah dilantik untuk Melaksanakan inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Dengan ini berikrar akan melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan segala daya usaha, Pengetahuan, kemahiran dan keupayaan kami.

Dengan ini, kami berjanji untuk:

- Menggerakkan dan memacu pelaksanaan berkesan bagi inisiatif di bawah tanggungjawab kami;
- Mencapai sasaran petunjuk prestasi utama yang dipersetujui bersama; dan
- Memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025



**Majlis Penyampaian Mandat & Watikah Pelantikan 2017
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025**

**Yang Dihadiri Oleh Pengarah-Pengarah & Setiausaha Bahagian, Pengurus-Pengurus Program,
Officer-In-Charge (PADU) & Ketua Aliran Kerja Yang Dilantik.**

Pihak kami sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan dan maklum balas daripada anda. Anda boleh hubungi kami di;

No.Tel: 03-8312 6784 E-Mel: tmoipgm@gmail.com